

NO. SOALAN: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN : 10085

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pendatang asing yang ditangkap/ditahan dan didakwa di mahkamah dikaitkan dengan pelacuran mulai tahun 2013 hingga kini. Nyatakan juga dari negara asal mereka. Apakah langkah pihak penguatkuasa PDRM untuk membanteras gejala sosial ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelacuran merupakan satu kesalahan jenayah yang ditakrifkan di bawah Kanun Keseksaan mengikut Seksyen 372, Seksyen 372 A dan Seksyen 372 B. Kegiatan pelacuran terutamanya yang melibatkan warganegara asing sering mendapat liputan dalam media cetak dan media elektronik seluruh negara. Dalam menangani dan mengekang kegiatan ini dari terus berleluasa, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan operasi secara terancang di pusat-pusat hiburan atau di kediaman yang dikenal pasti sebagai sarang pelacuran.

Statistik serbuan yang berjaya terhadap sarang pelacuran di seluruh negara di bawah “Ops Noda” bagi tahun 2013 sehingga Jun 2017 adalah seperti berikut:-

Jumlah/Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Jumlah Serbuan	4507	6130	6234	5464	2751	25,086

Statistik tangkapan terhadap wanita warganegara asing yang terlibat dalam aktiviti pelacuran mengikut negara asal di seluruh negara di bawah “Ops Noda” bagi tahun 2013 sehingga Jun 2017 adalah seperti berikut:-

NEGARA	2013	2014	2015	2016	2017 (JAN-JUN)	JUMLAH BESAR
VIETNAM	2681	4606	6187	3385	2483	19342
CHINA	2020	2556	2449	1488	1089	9602
THAILAND	1896	3321	4059	3295	2020	14591
INDONESIA	549	687	791	980	860	3867
FILIPINA	111	308	320	226	161	1126
MYANMAR	67	171	244	88	178	748
KEMBOJA	26	123	79	83	26	337
LAOS	32	57	118	111	57	375
SINGAPURA	1	0	0	1	0	2
INDIA	40	107	119	71	38	375
BANGLADESH	7	53	102	155	152	469
TAIWAN	0	0	3	12	8	23
MONGOLIA	0	2	0	5	3	10
UGANDA	0	16	24	12	17	69
GEORGIA	0	0	0	3	1	4
PAKISTAN	2	2	0	4	8	16
IRAN	4	1	8	0	0	13

UZBEKISTAN	19	15	10	125	38	207
NIGERIA	30	49	27	79	30	215
RUSIA	3	7	2	1	9	22
NEPAL	0	10	37	22	13	82
SRI LANKA	10	12	10	3	5	40
KOREA	0	0	4	4	0	8
BANGKOK	0	0	1	0	0	1
UKRINE	0	0	0	5	4	9
MOROCCO	0	0	0	0	6	6
SOMALIA	0	0	0	0	2	2
ARAB SAUDI	0	0	0	0	1	1
KRGYZSTAN	0	0	0	3	10	13
SYRIA	0	0	0	0	4	4
TANZANIA	0	0	0	0	1	1
MOLDOVA	0	0	0	0	2	2
COLOMBIA	0	0	0	0	1	1
MADACASCAR	0	0	0	0	2	2
AZEBAIZAN	1	0	3	1	0	5
AUSTRALIA	1	0	0	0	0	1
TAJIKISTAN	1	0	0	0	0	1
IRAQ	1	0	0	0	1	2
JUMLAH	7,502	12,103	14,597	10,162	7,230	51,594

Statistik pendakwaan dan tindakan lain yang diambil terhadap wanita warganegara asing yang terlibat dalam aktiviti pelacuran di seluruh negara di bawah “Ops Noda” bagi tahun 2013 sehingga Jun 2017 adalah seperti berikut:-

NEGARA	TUDUH IMG	TUDUH KK	BEBAS/NFA	DALAM SIASATAN
VIETNAM	8419	1559	8965	399
CHINA	4397	2140	2905	160
THAILAND	4607	1172	8591	221
INDONESIA	2226	836	787	18
FILIPINA	670	186	247	23
MYANMAR	474	79	177	18
KEMBOJA	165	84	86	2
LAOS	187	118	67	3
SINGAPURA	1	0	1	0
INDIA	114	104	151	6
BANGLADESH	194	118	105	52
TAIWAN	15	0	8	0
MONGOLIA	8	0	0	2
UGANDA	27	26	11	5
GEORGIA	4	0	0	0
PAKISTAN	8	8	0	0
IRAN	6	3	4	0
UZBEKISTAN	98	69	33	7
NIGERIA	87	58	65	5

RUSIA	13	0	9	0
NEPAL	36	25	15	6
SRI LANKA	26	9	2	3
KOREA	2	0	6	0
BANGKOK	1	0	0	0
UKRINE	6	0	0	3
MOROCCO	2	4	0	0
SOMALIA	1	1	0	0
ARAB SAUDI	1	0	0	0
KRGYZSTAN	8	2	3	0
SYRIA	2	2	0	0
TANZANIA	1	0	0	0
MOLDOVA	2	0	0	0
COLOMBIA	0	1	0	0
MADACASCAR	2	0	0	0
AZERBAIJAN	5	0	0	0
AUSTRALIA	1	0	0	0
TAJIKISTAN	1	0	0	0
IRAQ	0	2	0	0
JUMLAH	21,817	6,606	22,238	933

Nota : IMG - Imigresen

KK – Kanun Keseksaan

NFA – No Further Action

Dalam usaha memastikan aktiviti pelacuran ini tidak menjaskankan kerukunan dan keharmonian masyarakat, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengekang kegiatan pelacuran dalam negara seperti berikut:-

- i) Melancarkan "Ops Noda" di seluruh negara dengan membuat pemeriksaan di premis-premis hiburan dan sarang-sarang pelacuran yang dikenal pasti melalui risikan yang telah dijalankan;
- ii) Menguatkuasakan undang-undang sedia ada ke atas pemilik premis atau penjaga yang ditangkap seperti peruntukan di bawah Seksyen 55(B) Akta Imigresen 1959/63 (Tindakan Ke Atas Majikan / Penjaga) manakala pihak yang menyalahgunakan pas lawatan akan ditangkap di bawah Seksyen 39(B) Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/63 (Langgar Syarat Pas Lawatan);
- iii) Menyenarai hitamkan perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenal pasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran/pelayan pelanggan;
- iv) Mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi "*point of entry*" sindiket-sindiket yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur

dan sebagai tindakan pencegahan serta untuk menyelamatkan mangsa;

- v) Tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) ke atas mereka yang terlibat menganjur aktiviti pelacuran dan pelayan pelanggan yang tiada keterangan untuk dituduh di Mahkamah. Pada tahun 2017 (Jan-Jun), sebanyak 10 penganjur kes pelacuran telah diambil tindakan di bawah POCA; dan
- vi) Mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA), dengan menyita harta alih dan harta tidak alih penganjur pelacuran yang diperoleh daripada hasil aktiviti haram. Jumlah tindakan di bawah Akta ini bagi tahun 2015 sehingga tahun 2017 adalah melibatkan sebanyak 9 penganjur.